

China mampu pengaruhi harga minyak dunia

BH 21/6/08
M/S 25

BEIJING: China menaikkan harga bahan api dalam negara secara keseluruhan semalam dan bertindak menukar dasarnya selepas berdepan rungutan dan rasa tidak puas hati terhadap langkah kawalan harga yang menyebabkan gangguan harga pasaran minyak global.

Tindakan itu menyebabkan harga minyak dunia turun serta-merta, sekali gus memberi isyarat pengaruh China dalam ekonomi global, tetapi penganalisis berkata masih belum jelas apakah kesan jangka panjang daripada pengumuman mengejut China lewat kelmarin.

Harga minyak yang terus meningkat sejak awal tahun ini, menurun AS\$4.75 (RM15.67) kepada AS\$131.93 setong (RM435) setong dalam dagangan di New York, selepas pengumuman itu sebelum naik semula dalam dagangan di Asia.

Pengumuman dilakukan hanya dua hari sebelum 'sidang puncak minyak' antarabangsa di Arab Saudi menggesa perbincangan diadakan mengenai kenaikan harga minyak yang menggugat pasaran saham manakala di beberapa negara, menyebabkan tunjuk perasaan serta menggegar kerajaan.


China menaikkan harga borong petrol dan diesel sehingga 18 peratus dalam usahanya merapatkan perbezaan antara harga bahan api itu dalam negara dengan harga pasaran dunia yang melambung, manakala tarif elektrik turut dinaikkan.

Kerajaan China yang menjadikan usaha mengatasi inflasi sebagai agenda utama ekonomi, menguatkuasakan kawalan ketat terhadap harga bahan api berikutan kebimbangan harga tinggi mungkin memburukkan kadar inflasi yang sudah mencecah 12 peratus sekarang.

*Bagaimanapun sistem harga pusat dan kenaikan harga minyak mentah antarabangsa menyebabkan syarikat minyak tempatan dibebani kerugian besar ketika proses penyulingan dan menggesa kerajaan agar melonggarkan kawalan harga.

China, kuasa ekonomi keempat terbesar dunia, menggunakan kira-kira 40 peratus daripada pengeluaran minyak dunia bagi menjana perkembangan ekonominya, manakala penganalisis menjangka peningkatan harga bakal mengurangkan permintaannya.

"Saya berpendapat China akan me-



ngurangkan permintaannya dan saya yakin mengenainya. Ia memang sesuatu yang jelas, tetapi kesan jelas hanya dapat dilihat akhir tahun ini, apabila data permintaan China dikeluarkan," katanya.

Kawalan harga bahan api itu oleh China, pengguna kedua terbesar minyak dunia selepas Amerika diper-salahkan sebagai punca perubahan pasaran global yang tidak menentu sejak beberapa bulan lalu. AFP